

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH
[SABAK BERNAM]**

SOALAN :-

**Y.B. Datuk Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan langkah Kementerian bagi
menangani pengurusan sisa pepejal yang tidak berkesan dan teratur
kerana kegagalan Kerajaan Negeri Selangor menguruskan sisa pepejal
secara berkesan.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak terlibat di dalam menerajui pengurusan sisa pepejal yang tidak teratur di negeri Selangor. Ini kerana Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) tidak diguna pakai di negeri Selangor dan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam masih dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Oleh yang demikian, tanggungjawab berkaitan pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor adalah di luar bidang kuasa KPKT.

Walau bagaimanapun, KPKT bersedia untuk bekerjasama dan memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan Negeri Selangor daripada aspek teknikal ke arah memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara teratur, berkesan dan mampan.

KPKT turut membantu dalam pengurusan sisa pepejal di Selangor dengan membina sebuah stesen pemindahan sisa pepejal di Shah Alam beserta peralatan dengan kos sebanyak RM77 juta. Stesen pemindahan ini dibina bagi menerima sisa pepejal daripada kawasan Ampang Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Petaling Jaya Selatan. Seterusnya sisa pepejal ini akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari (TPS) Jeram, Selangor.

KPKT juga telah menyediakan jentera untuk memproses sisa lengai (sisa binaan dan sisa perobohan) di Tapak Pelupusan Sungai Kertas, Mukim Gombak, Selangor yang menelan belanja sebanyak RM3.5 juta. Ini akan dapat meningkatkan kadar kitar semula dan sekaligus mengurangkan jumlah sisa ke tapak pelupusan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016